

25/04/1998

Rakyat masih malu guna barang tempatan

Rohaniza Idris

KEGAWATAN ekonomi negara yang berpunca daripada penurunan nilai ringgit dan kejatuhan pasaran saham menyebabkan harga barangan harian meningkat secara mendadak dan ia dijangka memberi impak ketara terhadap keteguhan syarikat tempatan.

Pelbagai langkah diambil bagi mengurangkan pengaliran wang keluar, antaranya Kempen Beli Buatan Malaysia yang dilancarkan Februari lalu oleh Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia itu bukanlah suatu perkara baru dalam masyarakat kita kerana pada 1987, kempen ini sudah berjaya membantu negara mengatasi masalah kemelesetan ekonomi.

Bersesuaian dengan kempen itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menetapkan peraturan penguatkuasaan penandaan 'Buatan Malaysia' di semua kedai dan pasar raya mulai 1 April lalu.

Barangan buatan Malaysia terbahagi kepada dua kategori iaitu bagi sedia bungkus sama ada pembalut, beg atau bekasnya dinyatakan nama dan alamat pengilang di Malaysia.

Selain itu, barang yang dipasang, diubah suai dan melalui proses terakhir di negara ini juga perlu ditanda dengan pelekat 'Buatan Malaysia'.

Pelbagai taklimat dan panduan berkaitan penandaan buatan Malaysia kepada peniaga, dan persatuan pengguna diberikan supaya pengguna tidak keliru.

Pada Mei ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadual melancarkan Konsert Cintai Malaysia Artis Tempatan anjuran MCA di Dataran Merdeka.

Pertunjukan itu adalah sebahagian daripada kempen 'Cintai Malaysia, Beli Barangan Buatan Malaysia' yang dilancarkan MCA Disember tahun lalu untuk membantu negara mengatasi kegawatan ekonomi yang dihadapi sekarang.

Sejak kempen itu dilancarkan, industri pembuatan dan pelancongan tempatan mula mendapat sambutan dan peningkatan daripada segi jualan.

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada beberapa pengusaha pelancongan tempatan melalui laman Internet, membuktikan jumlah rakyat Malaysia yang melancong ke luar negara berkurangan 50 peratus, manakala pelancongan domestik meningkat 25 peratus.

Sebenarnya, tiada perbezaan antara produk keluaran tempatan dengan produk yang diimport dari negara asing kecuali bagaimana barangan itu dipasarkan.

Terdapat pelbagai halangan yang perlu dikikis untuk menjayakan rancangan serta kempen beli barangan tempatan termasuk halangan psikologi dan rasa rendah diri pada setiap rakyat negara ini apabila menggunakan barangan buatan tempatan.

Masyarakat hari ini kebanyakannya tidak mempunyai rasa bangga terhadap produk tempatan dan ada di antaranya menganggap barangan Malaysia low class berbanding barangan import.

Untuk mengikis tanggapan negatif terhadap barangan tempatan, masyarakat kita hari ini perlu diajar mengenai pemilihan dan kualiti produk yang baik untuk kegunaan kehidupan sehari-hari.

(END)